

KENYATAAN MEDIA

27 OKTOBER 2023

**Suruhanjaya Tenaga**  
*(Energy Commission)*  
No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Precinct 2,  
62100 Putrajaya,  
Malaysia.  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

## **ST Siasat Kes Kemalangan Maut Renjatan Elektrik di Taman Bercham Raya, Ipoh**

**Putrajaya, 27 Oktober 2023** – Suruhanjaya Tenaga (ST) memandang serius insiden kemalangan renjatan elektrik yang telah meragut dua (2) nyawa di sebuah gerai burger di Taman Bercham Raya, Ipoh, Perak pada 15 Oktober 2023, sekitar jam 12.15 pagi. ST juga ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa kemalangan.

Siasatan awal pihak ST mendapati terdapat kebocoran arus yang disebabkan oleh kabel bekalan fasa hidup (L) yang luka dan terkena pada kerangka kabin gerai jenis besi/zink. Ini telah menyebabkan kedua-dua mangsa terkena renjatan elektrik apabila tersentuh dengan bahagian badan kabin gerai yang bertenaga tersebut.

ST ingin menasihati pemilik dan pengusaha perniagaan agar sentiasa memastikan pendawaian elektrik dalam keadaan baik untuk kegunaan bangunan perniagaan termasuklah struktur sementara seperti gerai atau trak makanan bagi menjamin keselamatan pekerja dan orang ramai.

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

ST memandang serius insiden melibatkan keselamatan elektrik. Pemilik dan pengusaha perniagaan serta orang ramai adalah dinasihati untuk:

- Memastikan tiada sambungan elektrik secara haram dibuat;
- Melantik kontraktor elektrik dan orang kompeten yang berdaftar dengan ST untuk menjalankan kerja-kerja pendawaian elektrik dan senggaraan;
- Memastikan keadaan wayar elektrik diperiksa secara berkala dan mengenalpasti sebarang kejanggalan;
- Memastikan lokasi atau poin kejanggalan pendawaian elektrik ditanda sementara mendapatkan khidmat orang kompeten untuk kerja pembetulan, agar orang ramai tidak menghampiri lokasi tersebut; dan
- Memastikan kelengkapan elektrik mempunyai label ST-SIRIM dan kabel pendawaian mengikut piawaian yang ditetapkan.

ST telah menjalankan siasatan ke atas insiden yang berlaku di Taman Bercham Raya tersebut selaras dengan peruntukan Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994. Sekiranya didapati berlaku kecuaian atau kesalahan oleh mana-mana pihak yang berkenaan, tindakan undang-undang akan diambil.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau aduan mengenai perkara ini, hubungi ST melalui talian 03-8870 8800 atau emel ke [eaduan@st.gov.my](mailto:eaduan@st.gov.my).

Layari juga laman web ST di [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my) untuk mendapatkan:

- Senarai kontraktor elektrik berdaftar; dan
- Senarai orang kompeten elektrik berdaftar.

---

#### MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.



Suruhanjaya Tenaga  
Energy Commission

Pastikan tiada sambungan elektrik secara haram dibuat



Lantik kontraktor elektrik dan orang kompeten yang berdaftar ST untuk menjalankan kerja pendawaian elektrik dan senggaraan

Pastikan keadaan wayar elektrik diperiksa secara berkala dan kenalpasti kejanggalan

Pastikan lokasi atau poin kejanggalan pendawaian elektrik ditanda sementara mendapatkan khidmat kompeten; agar orang ramai tidak hampirinya



Pastikan kelengkapan elektrik ada label ST-SIRIM dan kabel pendawaian mengikut piawaian yang ditetapkan



#ThinkSafety ThinkST

\*\*\*TAMAT\*\*\*

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

Veliana Ruslan/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-2131978 (Veliana) / 011-28866271 (Hazwani) / 018-3822545 (Harith)

Emel: [veliana@st.gov.my](mailto:veliana@st.gov.my) / [noorhazwani@st.gov.my](mailto:noorhazwani@st.gov.my) / [harith@st.gov.my](mailto:harith@st.gov.my)

#### MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.